

## Peranan ACIS dalam Program Dakwah terhadap Pelajar Melayu di UiTM Cawangan Pahang, Kampus Kuantan

Norazmi Anas<sup>1\*</sup>, Shahril Nizam Zulkipli<sup>2</sup>, Ahmad Fadhir Mat Dahan<sup>3</sup>, Siti Marsitah Mohd. Mokhtar<sup>4</sup>, Prof. Madya Dr. Engku Ahmad Zaki Engku Alwi<sup>5</sup>

<sup>1,2</sup>Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS) Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Tapah, 35400 Tapah Road, Perak, Malaysia  
norazmianas@perak.uitm.edu.my, shah4107@perak.uitm.edu.my

<sup>3,4</sup>Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS) Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, Kampus Kuantan, Jalan Bukit Sekilau 25200 Kuantan, Pahang, Malaysia  
ahmadfadhir@pahang.uitm.edu.my, marsitah@pahang.uitm.edu.my

<sup>5</sup>Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu, Malaysia  
drkuzaki@unisza.edu.my

\*Penulis Rujukan

**Abstrak:** Dakwah merupakan satu tanggungjawab yang wajib dilaksanakan oleh setiap Muslim, ianya tidak terhad kepada orang bukan Islam sahaja malahan juga kepada orang Islam sendiri. Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) memainkan peranan yang sangat penting dalam usaha dakwah terhadap pelajar-pelajar Melayu di kampus. Matlamat penubuhannya lebih terarah kepada keseimbangan pembangunan mental, jasmani dan rohani pelajar bagi mencapai kecemerlangan duniawi dan ukhrawi. Program-program dakwah yang dianjurkan oleh ACIS melibatkan Hal Ehwal Akademik (HEA) dan Hal Ehwal Islam (HEI) bertujuan memantapkan akademik seterusnya sahsiah pelajar Melayu selari dengan kehendak syariat Islam. Oleh itu, objektif kertas kerja ini ialah untuk mengkaji peranan ACIS dalam usaha dakwah terhadap pelajar Melayu di UiTM Cawangan Pahang, Kampus Kuantan dan mengenalpasti program-program dakwah yang dianjurkan oleh ACIS UiTM Cawangan Pahang, Kampus Kuantan. Bagi mencapai kedua-dua objektif di atas, kumpulan penyelidik menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap proposal-proposal program dakwah yang telah dibuat oleh ACIS UiTM Cawangan Pahang, Kampus Kuantan. Secara umumnya program-program dakwah yang dianjurkan oleh ACIS mendapat sambutan yang menggalakkan dari kalangan pelajar UiTM Cawangan Pahang, Kampus Kuantan khususnya pelajar Melayu kerana program-program tersebut menarik perhatian mereka untuk lebih mendalami ajaran Islam sebenar. Justeru itu, ianya bukan lagi bersifat konvensional tetapi diadun dengan elemen-elemen dakwah moden selari dengan pemikiran generasi Y pada zaman teknologi canggih sekarang.

**Kata Kunci:** ACIS, Pelajar Melayu, Peranan program dakwah, UiTM Pahang

### 1. Pengenalan

Dakwah merupakan galakan atau seruan ke jalan Allah supaya manusia menerima dan menghayati ajaran Islam. Ia memerlukan kefahaman yang jelas mengenai konsep dan tuntutan dakwah di kalangan *daie* (pendakwah). Selain itu, pendakwah juga perlu menguasai pendekatan dakwah dengan betul dan memahami bahawa dalam melakukan tugas dakwah mereka akan berhadapan dengan pelbagai cabaran dan halangan (Abdul Ghafar Don & Hailan Hj. Salomon, 2009). Agama Islam menjadi agama rasmi tanahair mengikut perlembagaan Malaysia dan pengamalan agama lain tidak dilarang, seterusnya menjadi tanggungjawab setiap Muslim menyeru umat manusia kepada ketauhidan kepada Allah SWT. Mesej yang ingin disampaikan oleh pendakwah Muslim mestilah sistematik dan melibatkan perancangan yang teliti, organisasi yang berstruktur dan menggunakan tenaga manusia yang berkualiti serta diyakini. Dakwah Islam itu mesti disampaikan dalam bahasa yang lembut, menarik dan memujuk selari profesionalisme para pendakwah sebagai modal utama selain menyusun semula pelbagai badan dan organisasi dakwah. Semua badan ini sama ada yang bergerak bersendirian sebagai badan bukan kerajaan atau jabatan di bawah sebarang kementerian mesti dipantau agar bergerak pada

landasan yang betul supaya citra Islam yang baik dapat dipancarkan (Abdul Ghafar Don et al., 2007). Beberapa nilai-nilai Islam perlu diterapkan dalam proses berdakwah iaitu nilai murni, nilai moral, nilai etika, nilai kerohanian, nilai budaya dan nilai jujur khususnya penggunaan ICT sebagai medium dakwah Islam ( Prof. Madya Dr. Syed Muhammad Dawilah Al-Idrus & Mohd Lutfi Solehan, 2009).

## 2. ACIS: Sejarah & Matlamat

Kronologi penubuhan Akademi Pengajian Kontemporari Islam (ACIS) bermula dengan penubuhan Unit Pendidikan Islam (UPI) pada tahun 1978 – 1983 di bawah dua orang mantan ketua pengurusan iaitu Ustaz Mohd Arsyad Haji Taib & Ustaz Abdul Wahab Arba'in. Seterusnya, UPI dinaiktaraf menjadi Pusat Pendidikan Islam (PPI) selama 21 tahun (1983 – 2004) sebelum ditukar nama kepada Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU). Pendidikan Islam mula diperkenalkan di Universiti ini (ketika mula ditubuhkan dikenali sebagai Dewan Latihan RIDA-Maktab RIDA-Institut Teknologi MARA dan kemudiannya diisytiharkan sebagai Universiti pada 26 Ogos 1999) pada 1975 di bawah Unit Pendidikan Islam. Pada 1977, kursus Tamadun Islam mula diperkenalkan sebagai kursus wajib bagi semua program di Universiti. Unit tersebut dipermantapkan kepada sebuah pusat pengajian, dikenali sebagai Pusat Pendidikan Islam pada 1 April 1983 dengan lebih 40 kursus pendidikan Islam diperkenalkan di samping kursus Tamadun Islam ([www.acis.uitm.edu.my](http://www.acis.uitm.edu.my))

Tanggal 13 Januari 2004, Pusat Pendidikan Islam telah diisytiharkan oleh Dato' Seri Naib Canselor sebagai Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam atau *Centre for Islamic Thought and Understanding* (CITU) di bawah seliaan seorang Pengarah dengan dibantu oleh dua Timbalan Pengarah yang dipertanggungjawabkan dengan aspek akademik dan non-akademik. CITU adalah gabungan Pusat Pendidikan Islam (PPI) dengan Pusat Khidmat Nasihat Agama (non-akademik) di mana semua aktiviti keislaman universiti ditadbir di bawah satu bumbung dengan berpusat di Pusat Islam universiti. Penubuhan CITU selaras dengan hasrat UiTM muncul sebagai *World Class University* serta gedung ilmu terulung dan terunggul. Konferensi CITU di UiTM Pulau Pinang, telah mengusahakan penjenamaan baru kepada ACIS/ APIK. Setelah diteliti, kemudiannya Kementerian Pengajian Tinggi dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pendidikan Tinggi (JKPT) Bil 1/2013 bertarikh 28 Februari 2013, telah bersetuju memperakukan penubuhan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) seiring dengan penstrukturan dan penjenamaan semula CITU ([acisuitmpahang.blogspot.com](http://acisuitmpahang.blogspot.com)). Kini, pentadbiran ACIS UiTM diterajui oleh Professor Dr. Hj. Muhamad Rahimi Osman bermula 1 Disember 2005 sehingga sekarang.

ACIS menawarkan kursus yang berlainan kepada pelajar diploma dan ijazah daripada semester satu hingga semester tiga mengikut kursus yang diambil oleh pelajar. Kursus yang ditawarkan merupakan kursus wajib yang perlu diambil oleh pelajar dan merupakan kursus wajib lulus. Pada masa yang sama, pentadbiran ACIS di UiTM juga menawarkan khidmat Hal Ehwal Islam (HEI) kepada pelajar dan kakitangan serta komuniti luar ([aciskedah.uitm.edu.my](http://aciskedah.uitm.edu.my)).

## 3. Peranan ACIS Dalam Program Dakwah Pelajar Melayu

Peranan yang dimainkan oleh ACIS sangat besar impaknya kepada pelajar-pelajar UiTM khususnya pelajar Melayu. Ia boleh dilihat berdasarkan falsafah, visi, misi dan objektif ([www.acisuitm.edu.my](http://www.acisuitm.edu.my)) yang telah ditetapkan ACIS dalam pembangunan modal insan bagi meningkatkan kualiti hidup pelajar-pelajar berteraskan ajaran Islam sebenar.

### 3.1 Falsafah & Visi ACIS

Falsafah yang telah ditetapkan oleh ACIS adalah untuk mempercayai bahawa setiap manusia boleh membangunkan nilai moral yang baik melalui pendidikan Islam yang bersepadu (*To believe that every man can develop a good moral value through an integrated Islamic*

education), manakala visi ACIS pula adalah untuk menjadi sebuah pusat yang ditubuhkan untuk pengetahuan, pemikiran Islam yang bersepadu dan pemahaman bagi membolehkannya memberi perkhidmatan untuk kebaikan ummah (*To be an established centre for integrated Islamic knowledge, thought and understanding in order to serve for the betterment of the ummah*).

### 3.2 Misi ACIS

- i. Untuk menawarkan kursus-kursus profesional dan separa profesional dengan orientasi Islam melalui kerjasama dengan fakulti dan jabatan lain.
- ii. Untuk memupuk budaya intelektual di dalam kampus melalui aktiviti akademik dan bukan akademik.
- iii. Untuk meningkatkan profesionalisme dan intelektualisme melalui kursus-kursus dan program-program akademik dan bukan akademik Islam.

### 3.3 Objektif ACIS

- i. Untuk meningkatkan penyebaran ilmu dan kefahaman Islam melalui program-program akademik yang betul.
- ii. Untuk memastikan kesedaran kejayaan objektif pendidikan Islam di UiTM.
- iii. Untuk menggabungkan nilai-nilai Islam dalam pelbagai program akademik dan kursus di bawah semua fakulti di UiTM.

The screenshot shows the website for the Centre for Islamic Thought and Understanding (CITU) at Universiti Teknologi Mara. The header includes the university logo and name in Malay and English, and the acronym 'ACIS' in Arabic. The navigation menu contains links for Home, ACIS, Academic Affairs, Research, Islamic Affairs, Zakat Centre, and Staff Directory. The main content area is titled 'CENTRE FOR ISLAMIC THOUGHT AND UNDERSTANDING (CITU) UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA' and contains the following sections:

- HOME:** Values
- Vision & Mission:** Sunday, 07 June 2015 03:59 ACIS
- PHILOSOPHY:** To believe that every man can develop a good moral value through an integrated Islamic education.
- VISION:** To be an established centre for integrated Islamic knowledge, thought and understanding in order to serve for the betterment of the ummah.
- MISSION:**
  1. To offer professional and semi-professional courses with Islamic orientation through cooperation with other faculties and departments.
  2. To inculcate intellectual culture within the campus through academic and non-academic activities.
  3. To enhance professionalism and intellectualism through Islamic academic and non-academic courses and programmes.
- OBJECTIVES:**
  1. To enhance the dissemination of Islamic knowledge and understanding through proper academic programmes.
  2. To ensure the successful realisation of the objectives of Islamic education in UiTM.
  3. To incorporate the Islamic values in various academic programmes and courses under all faculties in UiTM.

Rajah 1. Screenshot Laman Sesawang ACIS UiTM

## 4. Objektif Kertas Kerja

- i. Mengkaji peranan ACIS dalam usaha dakwah terhadap pelajar Melayu di UiTM Cawangan Pahang, Kampus Kuantan.
- ii. Mengenalpasti program-program dakwah yang dianjurkan oleh ACIS UiTM Cawangan Pahang, Kampus Kuantan.

Secara keseluruhannya, jumlah pelajar di UiTM Cawangan Pahang, Kampus Kuantan bagi tahun 2014 dan 2015 sebanyak 610 orang pelajar melibatkan pelajar Asasi Undang-Undang dan TeSL.

## 5. Metodologi

Rekabentuk kajian bersifat kualitatif menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap laman sesawang ACIS UiTM dan kertas kerja dan program-program dakwah di UiTM Cawangan Pahang, Kampus Kuantan. Analisis kandungan merupakan satu set prosedur analisis yang boleh digunakan dalam pelbagai media mesej (teks, ucapan, rakaman video aksi) dan utusan untuk mengenalpasti tujuannya (Newby, 2010 & Syed Arabi Idid, 1992).

## 6. Keputusan & Perbincangan

Berdasarkan Jadual 1 di bawah, didapati bahawa ACIS UiTM Cawangan Pahang Kampus Kuantan (HEA & HEI) telah berjaya menganjurkan 15 program-program dakwah kepada pelajar-pelajar Melayu program Asasi Undang-Undang dan TeSL, masing-masing 5 program pada tahun 2014 dan selebihnya (9 program) pada tahun 2015. Ia dilihat sebagai satu usaha yang baik untuk meningkatkan tahap pengetahuan dan kefahaman pelajar-pelajar khususnya pelajar Melayu tentang asas-asas Islam (akidah, syariah & akhlak).

**Jadual 1.** Senarai Program Dakwah Pelajar UiTM Cawangan Pahang Kampus Kuantan 2014/2015

	2014	2015
1	Halaqah	Halaqah
2	Malam Cinta Rasul	Sambutan Maulidurrasul
3	Perkhemahan Mahasiswa Cemerlang	Program Masyarakat Sentuhan Kasih
4	Solat Hajat Perdana	Solat Hajat Perdana
5	Ihya' Ramadhan	Ihya' Ramadhan
6		Seminar Al-Quran
7		Kursus Imam dan Bilal
8		Program Ekspedisi Jalinan Ukhwah
9		Program Usrah "Quranic Group"

Jadual 2 pula menunjukkan analisis kandungan secara terperinci program-program dakwah pelajar UiTM Cawangan Pahang, Kampus Kuantan bagi tahun 2014/2015. Secara keseluruhannya didapati bahawa pihak ACIS (HEA & HEI) sangat aktif menganjurkan program-program dakwah kepada para pelajar serta memberi sokongan padu kepada kelab pelajar (GIA) sesuai dengan kapasiti pelajar sebanyak 610 orang (2014 & 2015). Program-program tersebut tidak terhad di dalam kampus sahaja malahan melibatkan aktiviti-aktiviti luar kampus seperti mendaki bukit, perkhemahan dan melawat rumah kebajikan & anak yatim. Oleh

yang demikian, pendekatan-pendekatan baharu ini perlu diperbanyakkan lagi bagi menarik minat pelajar mendalami ajaran Islam melalui aktiviti-aktiviti yang lebih santai dan menyeronokkan.

**Jadual 2.** Analisis Kandungan Program Dakwah Pelajar UiTM Kuantan 2014/2015

	<b>Program</b>	<b>Objektif</b>	<b>Kaedah Pelaksanaan</b>	<b>Implikasi Kewangan</b>
1	Halaqah 2014 & 2015	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberi pengenalan &amp; penekanan asas ilmu tajwid.</li> <li>• Menjadikan pembacaan Al-Quran secara bertajwid sebagai budaya &amp; amalan.</li> <li>• Meningkatkan ilmu &amp; kefahaman tentang solat yang sempurna.</li> <li>• Menambah pengetahuan asas fardhu ain.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kuliah</li> <li>• Ceramah</li> <li>• <i>Talaqqi</i></li> <li>• <i>Musyafahah</i></li> <li>• <i>Tadarrus</i> Al-Quran</li> <li>• Praktikal bacaan Al-Quran &amp; solat</li> </ul>	RM 640.00 (2014) RM 1400.00 (2015)
2	Malam Cinta Rasul 2014 & Sambutan Maulidurrasul 2015	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengukuh &amp; menambahkan kecintaan kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW.</li> <li>• Menghayati sirah, sikap &amp; akhlak Rasulullah SAW.</li> <li>• Memahami ajaran sebenar yang dibawa oleh Nabi SAW.</li> <li>• Memperkukuh jiwa <i>muttaqin</i> mahasiswa UiTM.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ceramah Cinta Rasul</li> <li>• Persembahan Qasidah</li> <li>• Solat Berjemaah</li> </ul>	RM 2990.00 (2014) RM 2515.00 (2015)
3	Solat Hajat Perdana 2014 & 2015	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menambahkan pengetahuan, kefahaman &amp; penghayatan mengenai kedudukan berdoa, bertawakal &amp; berusaha dalam menghadapi peperiksaan kepada semua warga pelajar.</li> <li>• Mempraktikkan tuntutan amalan sebagai seorang Muslim antaranya memohon doa melalui bacaan Yasin &amp; solat hajat.</li> <li>• Meningkatkan semangat &amp; keyakinan diri dalam menghadapi peperiksaan.</li> <li>• Memperkukuhkan jiwa <i>muttaqin</i> mahasiswa melalui solat &amp; doa.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Solat Hajat</li> <li>• Bacaan Yassin</li> <li>• Ceramah</li> </ul>	RM 1200.00 (2014) RM 1150.00 (2015)

4	Ihya' Ramadhan 2014 & 2015	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meningkatkan penghayatan terhadap kelebihan bulan Ramadhan.</li> <li>• Menghidupkan malam Ramadhan dalam kalangan komuniti mahasiswa.</li> <li>• <i>Tarbiyah</i> ibadah kepada diri dan jiwa mahasiswa UiTM</li> <li>• Meningkatkan ilmu &amp; kefahaman tentang puasa yang sempurna.</li> <li>• Mengeratkan hubungan silaturrahim dalam kalangan pelajar.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Solat Isyak</li> <li>• Solat Tarawih</li> <li>• Tazkirah</li> <li>• Moreh</li> </ul>	<p>RM 2520.00 (2014)</p> <p>Tiada Bajet (2015)</p>
5	Program Ekspedisi Jalinan Ukhwah 2015	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meningkatkan tahap kekuatan mental &amp; fizikal.</li> <li>• Mengeratkan hubungan silaturrahim antara pelajar yang terlibat.</li> <li>• Mewujudkan sifat syukur dalam diri pelajar atas nikmat keindahan alam.</li> <li>• Meningkatkan perasaan cinta kepada Allah SWT melalui solat berjemaah.</li> <li>• Mewujudkan kerjasama antara pihak UiTM dengan mahasiswa.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendaki Bukit</li> <li>• Solat Berjemaah</li> <li>• Aktiviti Berkumpulan</li> </ul>	<p>RM 275.00</p>
6	Perkemahan Mahasiswa Cemerlang 2014	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membentuk jatidiri ahli kelab</li> <li>• Melahirkan mahasiswa yang berketrampilan dan mampu memikul tanggungjawab</li> <li>• Melahirkan mahasiswa yang mempunyai kesedaran untuk membangunkan ummah ke arah melahirkan generasi cemerlang</li> <li>•</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkemahan</li> <li>• Aktiviti Berkumpulan</li> <li>• Solat Berjemaah</li> </ul>	<p>RM 4370.00</p>
7	Program Masyarakat Sentuhan Kasih 2015	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menunjukkan kecaknaan terhadap kepentingan perkhidmatan kepada komuniti serta mendekati diri dengan masyarakat.</li> <li>• Menampilkan &amp; menghayati ciri-ciri insan yang berakhlak</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lawatan</li> <li>• Gotong-royong</li> <li>• Aktiviti Berkumpulan</li> </ul>	<p>RM 270.00</p>

		<p>mulia &amp; nilai sikap seorang pelajar yang positif.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Merancang, melaksana, memimpin program, bekerjasama &amp; mengambil peranan secara aktif dalam kumpulan.</li> <li>• Memupuk semangat kecintaan terhadap budaya tolong-menolong, bantu-membantu sesama masyarakat serta berganding bahu dengan badan bukan kerajaan dalam menjaga kebajikan anak-anak yatim.</li> </ul>		
8	Seminar Al-Quran 2015	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendekatkan pelajar kepada Kitab Al-Quran</li> <li>• Meningkatkan kemahiran pelajar dalam membaca dan menghafaz Al-Quran.</li> <li>• Mengetahui kepelbagaian kaedah bacaan yang terdapat dalam Al-Quran</li> <li>• Sebagai santapan rohani dan mengukuh jati diri.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembentangan Kertas Kerja</li> <li>• Soal Jawab</li> </ul>	RM 1480.00
9	Kursus Imam & Bilal 2015	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meningkatkan pengetahuan berkaitan tugas-tugas imam dan bilal</li> <li>• Memperbaiki bacaan dalam solat terutama bacaan Surah Al-Fatihah</li> <li>• Menambah kefahaman berkaitan hukum-hukum azan dan Iqamah</li> <li>• Meningkatkan keyakinan diri untuk menggalas tugas sebagai imam dan bilal</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ceramah</li> </ul>	RM 600.00
10	Program Usrah Quranic Group 2015	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memastikan usrah mahasiswa berjalan dengan baik mengikut aturan yang ditetapkan.</li> <li>• Meningkatkan kualiti hubungan antara mahasiswa UiTM yang mengikuti kelab GIA.</li> <li>• Memastikan ahli usrah mempunyai hubungan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Usrah</li> <li>• Aktiviti Berkumpulan</li> <li>• Sesi Dialog</li> </ul>	Tiada Bajet

		langsung dengan naqib & naqibah kelab GIA. <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyelia sistem usrah mahasiswa supaya mempunyai kelangsungan ke peringkat yang lebih tinggi.</li> <li>• Mewujudkan kerjasama antara pihak UiTM dengan mahasiswa.</li> </ul>		
--	--	--	--	--

## 7. Kesimpulan

Oleh itu, program-program dakwah yang dianjurkan oleh pihak ACIS bukan lagi bersifat konvensional tetapi menuju satu tahap baharu yang lebih bersifat praktikal dan moden selari dengan pemikiran, naluri serta kehendak pelajar-pelajar generasi Y yang lebih aktif pada masa kini. Maka, peranan ACIS sebagai badan dakwah kampus tercapai dengan jayanya selari dengan falsafah, visi dan misi untuk memartabatkan Islam untuk kebaikan ummah sejagat.

## 8. Rujukan

- Abdul Ghafar Don & Hailan Hj. Salamon. (2009). *Dakwah kepada Non-Muslim di Malaysia: Konsep, Pendekatan dan Cabaran*. Jurnal al-Hikmah Vol. 1, 39-54.
- Abdul Ghafar Don, Berhanundin Abdullah & Zulkiple Abd. Ghani. (2007). *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia: Konsep dan Pelaksanaan*. Bangi : Penerbit UKM.
- aciskedah.uitm.edu.my diakses pada 1 September 2015.
- acisuitmpahang.blogspot.com diakses pada 1 September 2015.
- Newby, P. (2010). *Research Methods For Education*. England: Pearson Education Limited.
- Prof. Madya Dr. Syed Muhammad Dawilah Al-Idrus & Mohd Lutfi Solehan. (2009). Peranan ICT Dalam Penyebaran Dakwah Dalam Era Globalisasi. *Seminar Kebangsaan Dakwah Islamiah Di IPT Dan Komuniti*, 2-3 Disember 2009, Dewan Tunku Ibrahim Ismail, UTHM.
- Syed Arabi Idid. (1992). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: DBP.
- www.acis.uitm.edu.my diakses pada 1 September 2015.